

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

PELANCARAN PROMOSI KEMPEN JUALAN MALAYSIA (KJM) TAHUN 2020 DI KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD (KTMB)

KUALA LUMPUR, 27 JULAI 2020 - YB Datuk Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hari ini melancarkan promosi Kempen Jualan Malaysia (KJM) dan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) tahun 2020 di Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), di sini.

Promosi KJM 2020 di KTMB adalah strategi pemasaran untuk menggalakkan rakyat Malaysia berbelanja bagi menjana semula ekonomi Malaysia. Kempen KJM akan dilaksanakan secara bertema mengikut bulan turut membantu rakyat untuk merancang perbelanjaan agar ia bukan sahaja memberi manfaat kepada ekonomi negara namun memberi nilai beli yang tinggi kepada pengguna.

Pelancaran promosi ini adalah menyusuli pelancaran rasmi peringkat kebangsaan oleh YAB Perdana Menteri di Pusat Membeli-Belah Suria KLCC pada 18 Julai 2020 yang lalu. Promosi KJM akan berlangsung di KTMB sehingga 31 Disember 2020. Strategi pemasaran ini dijangka akan memberi nilai pemasaran yang tinggi kerana kadar penumpang perkhidmatan komuter KTMB adalah sebanyak 120,000 orang sehari bagi sektor Lembah Klang. Jumlah penumpang yang ramai ini sudah semestinya memberi nilai pemasaran yang tinggi lebih-lebih lagi ia dilaksanakan sehingga 31 Disember 2020.

Nilai *visibility* pada tren komuter yang dibaluti dengan iklan kempen juga boleh dilihat oleh pengguna pengangkutan lain yang berkongsi jajaran dengan rel keretapi perkhidmatan komuter dan juga penduduk di kediaman yang berhampiran.

-lagi-

Kementerian turut memperkenalkan satu aplikasi telefon pintar iaitu MySales Tracker. Aplikasi ini merupakan satu lagi inovasi oleh KPDNHEP bagi membantu pengguna untuk menyemak sama ada sesuatu jualan murah adalah sah atau tidak. Pengguna juga boleh mengetahui lokasi sesuatu jualan diadakan sekaligus membuat perbandingan harga. Aplikasi ini dijangka akan memberi manfaat dikala kerajaan menggalakkan rakyat untuk berbelanja dengan bijak serta membantu mengurangkan penipuan di dalam kempen jualan.

###

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

MUHAMMAD HANIF BIN ASA'ARI

Pengarah Sekretariat Perdagangan Penedaran dan Industri Perkhidmatan

Tel : 03-8882 5704

Emel : muhamadhanif@kpdnhep.gov.my